

**KM JAS 6/2025**



**SIARAN MEDIA  
JABATAN ALAM SEKITAR**

---

**JABATAN ALAM SEKITAR PEMANTAUAN  
BERTERUSAN KES TUMPAHAN MINYAK  
DI TANJUNG LANGSAT PORT TERMINAL, JOHOR**

---

**4 April 2025, PUTRAJAYA** – Pada 3 April 2025, Jabatan Alam Sekitar (JAS) menerima aduan mengenai tumpahan minyak di Tanjung Langsat Port Terminal (TLPT) yang disebabkan oleh kebocoran paip yang menyalurkan minyak Very Low Sulfur Fuel Oil (VLSFO) dari tangki terminal ke kapal MT EPITOME di Jeti Tanjung Langsat Port (TLP). Dianggarkan sebanyak 1.6 m<sup>3</sup> minyak telah tertumpah ke laut.

**TINDAKAN YANG TELAH DILAKSANAKAN**

- i) Susulan laporan ini, pasukan siasatan JAS telah menjalankan pemeriksaan dan sampel di lokasi kejadian telah diambil dan dihantar ke Jabatan Kimia bagi tujuan analisis.
- ii) Operasi pemunggaan dihentikan serta-merta dan Pasukan Tindak Balas Kecemasan (ERT) TLPT telah diaktifkan. Dua unit oil boom telah dipasang menggunakan beberapa bot. Selain itu, pemantauan melalui udara dengan menggunakan drone telah dibuat oleh Pasukan ERT dan berdasarkan pemeriksaan yang telah dijalankan, tiada lagi tompokan minyak yang kelihatan di permukaan air.
- iii) JAS membuat pemantauan berterusan di TLPT serta kawasan pantai sekitar Pasir Gudang. Pemakluman rasmi kepada pihak Marine Port Authority (MPA) Singapura

juga telah dilakukan, dan sehingga kini melalui laporan yang diterima kawasan pantai Changi dan Terminal Feri telah tercemar dengan minyak. Setakat tengah hari ini, pencemaran minyak di laut dalam kawasan perairan Malaysia telah berjaya dikawal, dan pihak TLPT telah diarahkan untuk melaporkan status tindakan kawalan serta pembersihan minyak dari masa ke semasa sehingga operasi dapat dihentikan.

- iv) Koordinasi melibatkan agensi telah dilaksanakan iaitu Jabatan Alam Sekitar (JAS), bersama Jabatan Laut Wilayah Selatan (JLWS) dan Lembaga Pelabuhan Johor (LPJ), akan terus menjalankan pemantauan di pantai dan laut untuk memastikan kawasan tersebut bebas daripada pencemaran minyak.

### **NASIHAT KEPADA ORANG RAMAI**

Orang ramai diminta bekerjasama untuk melaporkan sebarang kejadian pencemaran minyak kepada JAS di talian bebas tol, **1-800-88-2727**. Menurut Seksyen 27, Akta Kualiti Alam Sekeliling (1974) Pindaan 2024, di mana mereka yang disabitkan kesalahan menyebabkan pencemaran minyak boleh dikenakan denda minimum **150,000.00 (seratus lima puluh ribu ringgit) sehingga maksimum RM10,000.000 (sepuluh juta ringgit)** atau penjara **selama tempoh sehingga 5 tahun atau kedua-duanya sekali**.

**-TAMAT-**

**DATO' WAN ABDUL LATIFF BIN WAN JAFFAR**

Ketua Pengarah Alam Sekitar Malaysia